

12/01/2015 - Majlis Khidmat Bakti Bil.1 Tahun 2015

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Dato' Seri Mohd Hashim bin Abdullah, Wakil pesara-pesara kanan penjawat awam yang diraikan dan **YBhg. Datin Seri Balkis binti Haji Ismail**,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dan **YBhg. Puan Sri Asmahan binti Ismail**,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri dan Datin Sri - Datin Sri, Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama meraikan rakan-rakan dalam kalangan pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam yang bersara atau tamat lantikan kontrak dalam kerajaan.

2. Sesungguhnya majlis pada malam ini adalah bagi menghargai sumbangan dan khidmat bakti hadirin sekalian kepada perkhidmatan awam dan negara. Saya

amat yakin, sesungguhnya tempoh yang panjang bersama perkhidmatan awam ini telah menzahirkan **banyak pencapaian dan kenangan indah** yang bermakna buat diri saudara dan saudari semua.

3. Saya mewakili pihak Kerajaan amat berterima kasih atas komitmen yang telah diberikan oleh saudara dan saudari sekalian. Sesungguhnya, segala pengorbanan yang dicurahkan tidak ternilai dan saya percaya **amanah yang telah digalas** dan **teladan yang diwariskan** adalah demi **memartabatkan profesion penjawat awam** di negara ini.

PERSEDIAAN UNTUK BERSARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Persaraan merupakan fasa perubahan yang **perlu ditempuhi** dalam kehidupan setiap individu yang bekerja. Ia memerlukan proses penyesuaian dan penerimaan di dalam diri individu tersebut. Saya ingin menegaskan mengenai **proses penyesuaian dan penerimaan** di dalam fasa persaraan kerana banyak kajian psikologi menyatakan persaraan memberi kesan traumatik yang tidak boleh dijangkakan. Ini adalah kerana, apabila rutin harian sebelum ini telah berubah sama sekali, ia akan mengakibatkan minda seseorang individu tersebut tidak dapat menerima perubahan yang baharu.

5. Namun begitu, saya percaya saudara dan saudari sekalian telah **membuat persediaan yang rapi** bagi menempuhi fasa yang istimewa ini. Saya pasti, pelbagai agenda telah dirancang **bersesuaian dengan matlamat dan kecenderungan** saudara dan saudari sama ada ingin terus bekerja, menumpukan perhatian kepada keluarga, mendalami ilmu-ilmu agama atau memberi sumbangan kepada masyarakat dan sebagainya.

6. Cuma sedikit ingatan daripada saya, bersesuaian dengan peningkatan usia dan perubahan rutin harian, maka **aspek kesihatan** adalah **sangat penting untuk diberi perhatian**. Sehubungan dengan itu, ambillah masa yang terluang untuk

memberikan tumpuan kepada penjagaan kesihatan dengan mengamalkan **gaya hidup sihat** serta menjalankan aktiviti-aktiviti riadah dan kecergasan.

1MALAYSIA CIVIL SERVICE RETIREMENT SUPPORT

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Menyedari pesara kerajaan merupakan aset negara yang memerlukan perhatian, penghargaan dan penjagaan kebajikan maka, Kerajaan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan inisiatif yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah melancarkan **1Malaysia Civil Service Retirement Support** pada 1 April tahun yang lepas.

8. Inisiatif ini menekankan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, kesejahteraan pesara, keusahawanan dan pengurusan kewangan yang merupakan satu **bentuk pengiktirafan dan kemudahan yang disediakan** oleh Kerajaan kepada pesara penjawat awam. Sebagai contoh, melalui inisiatif ini Kerajaan telah menyediakan laluan pantas atau *rapid lane*, kemudahan saringan kesihatan kepada pesara-pesara penjawat awam dan pelbagai kemudahan lain yang bersesuaian.

9. Ini secara tidak langsung memberikan gambaran yang jelas bahawa **Kerajaan sama sekali tidak meminggirkan penjawat awam** yang telah bersara. Malah segala pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan khidmat nasihat saudara dan saudari sekalian masih diperlukan dalam **memastikan kelangsungan kemajuan negara** di masa akan datang.

MENGEKALKAN KEHARMONIAN MASYARAKAT

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya percaya, melalui aktiviti komuniti atau kemasyarakatan sudah tentunya saudara dan saudari sekalian dapat memberikan maklumat yang lebih tepat dan bernas bagi memperbetulkan persepsi salah atau negatif segelintir masyarakat terhadap dasar-dasar Kerajaan dan seterusnya dapat mengekalkan keharmonian negara ini.

AGEN KERAJAAN KEPADA RAKYAT

11. Menyentuh mengenai dasar-dasar Kerajaan, sebagaimana kita semua sedia maklum, Goods and Services Tax atau GST akan mula dilaksanakan di negara ini pada 1 April 2015. Sehingga hari ini, kita mendapati penerimaan dan pemahaman rakyat berhubung GST ini telah semakin meningkat.

12. Namun begitu, saya percaya usaha untuk membantu rakyat memahami mengenai GST perlu dipergiatkan lagi secara berterusan. Ini adalah kerana, terdapat segelintir rakyat di negara ini yang masih keliru atau dikelirukan dengan fakta dan pemahaman yang tidak tepat mengenai GST. Kegusaran, kebimbangan dan salah faham ini perlu diatasi dengan segera dan ditangani dengan sebaiknya.

13. Sehubungan dengan itu, saya berharap saudara dan saudari yang telah banyak diberi pendedahan atau telah terlibat secara langsung dalam penyediaan dasar-dasar Kerajaan ini, menjadi kumpulan yang selayaknya untuk membantu Kerajaan dalam mengurangkan kegusaran dan kekeliruan tersebut. Sebolehnya, saudara dan saudari sekalian dapat bertindak sebagai agen kepada Kerajaan dalam menyalurkan maklumat yang jelas dan tepat mengenai GST khususnya kepada rakyat.

14. Apa yang kita harapkan, tahap kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap dasar-dasar Kerajaan akan terus meningkat, sekaligus akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam. Semoga sumbangan dan

peranan saudara dan saudari sekalian secara tidak langsung akan dapat memacu pembangunan dan kemajuan negara demi kesenimbangan generasi yang akan datang.

BERMUSYAWARAH DENGAN GENERASI MUDA

15. Menyentuh mengenai generasi muda, suka juga saya mengesyorkan agar **pengalaman dan kepakaran** saudara dan saudari sekalian dapat **dikongsi bersama dengan generasi baru perkhidmatan awam**. Marilah kita bersama-sama memberi sedikit masa dan ruang untuk berkongsi pengalaman mahupun memberi khidmat nasihat kepada generasi baru di pentas-pentas perbincangan, seminar mahupun di laman media sosial.

16. Semoga usaha sebegini, dapat memberi manfaat yang berpanjangan, di samping kita dapat terus membina hubungan persahabatan yang baharu. Bagi yang mahir dan rajin menulis pula, pengalaman saudara dan saudari boleh diceritakan melalui penulisan-penulisan buku, artikel dan sebagainya. Ini secara tidak langsung akan menjadikan, budaya perkongsian ilmu dapat berkembang melalui budaya pembacaan di negara ini.

MENGEKAL TELADAN YANG BAIK

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Tempoh yang panjang dalam perkhidmatan awam, rata-rata melebihi 30 tahun telahpun **membentuk keperibadian yang tinggi** di dalam saudara dan saudari sekalian. Walaupun tuntutan dunia pada masa dahulu dan kini adalah amat berbeza sama sekali, namun begitu **elemen yang perlu dikekalkan** oleh setiap penjawat awam adalah **budaya berintegriti dan tingkah laku yang cemerlang** sejajar dengan **ajaran agama dan nilai-nilai moral**.

